

Dimensi Sahsiah dalam Sirah Nabawiyyah dan Implikasinya Terhadap Pedagogi Pendidikan Islam: Satu Analisis Konseptual

Character Dimensions in the Sirah Nabawiyyah and Implications for Islamic Education Pedagogy: A Conceptual Analysis

Mohd Rafie bin Borham* & Mohd Ali bin Muhamad Don

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang Jalan Purnama, Bandar Seri Alam 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA

*Corresponding author: 2024856612@student.uitm.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 30th August 2025

Revised: 25th April 2025

Accepted: 13rd June 2025

Published: 30th June 2026

KEYWORDS

Sirah Nabawiyyah

Pembentukan Sahsiah

Pedagogi Pendidikan Islam

Analisis Konseptual

ABSTRAK – Kajian ini mengemukakan analisis konseptual terhadap dimensi-dimensi sahsiah yang terkandung dalam Sirah Nabawiyyah serta implikasinya terhadap pedagogi pendidikan Islam kontemporari. Kajian konseptual ini menganalisis sumber-sumber literatur sedia ada yang merangkumi karya-karya ulama Islam klasik, al-Quran, hadis yang sahih serta kajian akademik kontemporari yang berkaitan bagi membina kerangka pedagogi yang bersumberkan perjalanan hidup Rasulullah SAW. Melalui analisis sistematik terhadap kehidupan Rasulullah SAW, kajian ini mengenal pasti empat dimensi utama sahsiah yang saling berkaitan serta menguatkan antara satu sama lain, iaitu dimensi rohani, akhlak, hubungan sosial dan kepimpinan. Setiap dimensi dianalisis secara terperinci dan mendalam bukan sekadar dari sudut deskriptif, tetapi dengan menghuraikan bagaimana ia terzahir secara konkrit dalam sirah dan apakah implikasi pedagoginya terhadap reka bentuk kurikulum, pembangunan pendidikan dan persekitaran pembelajaran dalam institusi pendidikan Islam. Analisis mendapati bahawa Sirah Nabawiyyah mengandungi model pedagogi yang komprehensif dan praktikal, menggabungkan pembangunan moral dengan tanggungjawab sosial dan kekuatan rohani secara seiring, tanpa memisahkan antara dimensi-dimensi tersebut sebagai entiti yang berbeza. Berdasarkan analisis terhadap keempat-empat dimensi, tiga prinsip pedagogi utama dirumuskan sebagai sumbangan konseptual kajian ini. Pertama, pembelajaran melalui teladan hidup (*qudwah hasanah*) yang menuntut guru berfungsi sebagai model sahsiah yang hidup. Kedua, pembentukan sahsiah yang bersepadu dan holistik yang menentang pendekatan pendidikan yang memisahkan pembangunan manusia. Ketiga, kepentingan komuniti pembelajaran sebagai ekosistem tarbiah yang menyokong pembentukan sahsiah secara kolektif. Kajian ini menyumbang kepada wacana pendidikan Islam dengan mencadangkan kerangka konseptual yang menghubungkan perjalanan hidup Rasulullah SAW dengan keperluan pendidikan Islam di Malaysia.

ABSTRACT - This study analyzes the conceptual framework of the character dimensions embedded in the Sirah Nabawiyyah and their implications for contemporary Islamic education pedagogy. Employing a conceptual research design, the study critically examines existing literature, including the works of classical Muslim scholars, the Qur'an, authentic Hadith, and contemporary academic studies, to develop a pedagogical framework grounded in the life and educational practices of Prophet Muhammad (peace be upon him). Through a systematic analysis of the Prophet's biography, the study identifies four interrelated and mutually reinforcing dimensions of character development: the spiritual, moral, social, and leadership dimensions. Each

dimension is examined not merely from a descriptive perspective but also through an analytical exploration of how it manifests in the Sirah and how it informs curriculum design, educational development, and learning environments within Islamic educational institutions. The analysis reveals that the Sirah Nabawiyyah embodies a comprehensive and practical pedagogical model that integrates moral development, social responsibility, and spiritual cultivation as inseparable components of holistic human development. Based on the analysis of these four dimensions, the study formulates three principal pedagogical principles as its conceptual contribution. First, learning through an exemplary role model (*qudwah hasanah*), which emphasizes the educator's role as a living model of Islamic character. Second, an integrated, holistic approach to character formation that challenges educational paradigms that separate the various dimensions of human development. Third, the significance of the learning community as a *tarbiyyah* ecosystem that collectively nurtures character development. This study contributes to the discourse on Islamic education by proposing a conceptual framework that connects the life of Prophet Muhammad (peace be upon him) with the contemporary needs of Islamic education in Malaysia, thereby offering theoretical insights and practical guidance for strengthening character-based pedagogy in the Malaysian educational context.

KEYWORDS: Sirah Nabawiyyah, Character Building, Islamic Educational Pedagogy, Conceptual Analysis

PENDAHULUAN

Dalam peradaban Islam, pembentukan manusia yang berakhlak mulia dan berkeperibadian unggul merupakan matlamat tertinggi pendidikan. Tradisi keilmuan Islam sejak awal lagi telah mengiktiraf bahawa ilmu tanpa sahsiah yang kukuh ibarat pohon tanpa akar yang tidak akan mampu bertahan ketika diuji. Dalam konteks inilah, Sirah Nabawiyyah memainkan peranan yang sangat penting, bukan sekadar sebagai rakaman perjalanan hidup Rasulullah SAW, tetapi juga sebagai khazanah ilmu yang memaparkan bagaimana sahsiah manusia yang sempurna terbina melalui proses yang panjang, penuh cabaran dan sarat dengan nilai-nilai ketuhanan.

Realiti pendidikan Islam pada hari ini, khususnya dalam institusi yang memfokuskan kepada hafazan al-Quran, memperlihatkan jurang yang semakin ketara antara pencapaian akademik dan pembinaan sahsiah. Pelajar boleh menghafaz tiga puluh juzuk al-Quran dengan sempurna, namun masih belum memahami bagaimana nilai-nilai yang terkandung di dalamnya perlu dihayati dan dizahirkan dalam kehidupan seharian. Inilah persoalan asas yang mendorong perbincangan dalam artikel ini. Kajian kontemporari turut menegaskan bahawa Sirah Nabawiyyah merupakan sumber penting dalam pembangunan pendidikan berasaskan sahsiah dan nilai moral (Kufiyyah et al., 2021; Zarkasyi, 2021). Rasulullah SAW adalah penterjemah al-Quran yang paling agung, sebagaimana yang ditegaskan oleh Saidatina Aisyah r.a. bahawa akhlak Baginda adalah al-Quran (Muslim, 1954). Pernyataan ini mengajar bahawa setiap dimensi kehidupan Rasulullah SAW adalah gambaran nyata daripada ajaran wahyu Ilahi.

Artikel ini bertujuan mengenal pasti dimensi-dimensi sahsiah yang terkandung dalam Sirah Nabawiyyah, menganalisis implikasinya terhadap pedagogi pendidikan Islam, serta mencadangkan kerangka aplikasi yang boleh dimanfaatkan oleh pengamal pendidikan Islam. Kajian ini tidak mengemukakan data empirikal; sebaliknya, ia membina analisis berdasarkan sorotan literatur yang sistematik dan kerangka konseptual untuk menjawab persoalan dimensi-dimensi sahsiah utama yang dapat dikenal pasti dalam Sirah Nabawiyyah berdasarkan analisis terhadap karya-karya sirah klasik dan kontemporari. Bagaimanakah setiap dimensi sahsiah tersebut mengandungi implikasi pedagogi yang relevan untuk pendidikan Islam kontemporari? Apakah prinsip-prinsip pedagogi yang boleh dirumuskan daripada Sirah Nabawiyyah bagi membentuk kerangka pembentukan sahsiah pelajar yang sistematik?

PERNYATAAN MASALAH

Sirah Nabawiyyah merupakan sumber utama dalam pendidikan Islam dalam perkembangan kerangka pedagogi. Kebanyakan institusi pendidikan Islam mengajar sirah sebagai mata pelajaran berasingan yang berfokus kepada penghafazan fakta-fakta sejarah, tanpa menghubungkannya secara eksplisit

dengan pembentukan sahsiah pelajar (Al-Buti, 1999). Akibatnya, pelajar mungkin mengetahui tarikh peristiwa dalam sirah tetapi tidak memahami bagaimana nilai-nilai yang terkandung dalam peristiwa tersebut boleh diterapkan dalam kehidupan moden mereka.

Kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan pedagogi Islam lebih menumpukan kepada kaedah pengajaran umum, kandungan kurikulum atau keberkesanan program tertentu. Kajian yang secara khusus menganalisis dimensi-dimensi sahsiah dalam Sirah Nabawiyah dan merumuskan implikasi pedagoginya secara sistematik masih terhad. Majoriti kajian terdahulu lebih menumpukan peranan media, keberkesanan kaedah pengajaran tertentu atau kandungan kurikulum secara umum, tanpa menghubungkannya secara langsung dengan dimensi-dimensi sahsiah yang terkandung dalam sirah sebagai satu kerangka yang boleh digunakan dalam amalan pedagogi. Jurang penyelidikan ini perlu diisi dengan segera kerana tanpa kerangka konseptual yang jelas dan terstruktur, usaha untuk menjadikan Sirah Nabawiyah sebagai asas pembentukan sahsiah pelajar akan kekal sebagai wacana retorik semata-mata, tanpa hala tuju yang konkrit, tanpa panduan yang boleh diterapkan oleh guru di bilik darjah dan tanpa ukuran yang jelas untuk menilai keberkesanan program tarbiah yang dijalankan. Kajian ini menghubungkan antara sumber-sumber sirah klasik dengan keperluan pedagogi pendidikan Islam kontemporari di Malaysia.

Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada perkembangan ilmu berkaitan pedagogi Islam dengan memberi tumpuan khusus kepada dimensi-dimensi sahsiah dalam Sirah Nabawiyah yang selama ini kurang diberi perhatian sebagai sumber kerangka pedagogi yang tersusun dan menyeluruh. Dapatan kajian ini dapat melengkapi kajian-kajian terdahulu yang lebih menumpukan kepada peranan media atau keberkesanan kaedah pengajaran tertentu tanpa menghubungkannya dengan sumber sirah secara mendalam. Dengan meletakkan Sirah Nabawiyah sebagai tunjang kepada kerangka pedagogi, kajian ini membuka ruang perbincangan baharu tentang bagaimana tradisi keilmuan Islam klasik boleh diterjemahkan secara praktikal dalam konteks pendidikan Islam semasa, khususnya di Malaysia.

Dari sudut praktikal, kajian ini memberi panduan kepada guru-guru, penggubal kurikulum dan pengamal pendidikan Islam dalam merangka program pembentukan sahsiah yang lebih berkesan dan bersumberkan perjalanan hidup Rasulullah SAW. Kerangka empat dimensi sahsiah yang dicadangkan boleh dijadikan asas dalam membangunkan alat penilaian sahsiah pelajar, mereka bentuk kurikulum yang bersepadu antara aspek rohani, akhlak, sosial dan kepimpinan, serta membangunkan program tarbiah yang lebih menyeluruh di institusi pendidikan Islam Malaysia. Kerangka ini juga boleh dimanfaatkan oleh pengurus institusi dalam menilai semula pendekatan semasa yang digunakan dalam program pembinaan sahsiah pelajar, bagi memastikan ia benar-benar mencerminkan nilai-nilai yang terkandung dalam sirah Rasulullah SAW. Selain itu, kajian ini turut menyediakan asas konseptual yang kukuh bagi penyelidik akan datang untuk menjalankan kajian lapangan bagi menguji keberkesanan kerangka yang dicadangkan dalam persekitaran pendidikan yang sebenar.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian telah meneliti peranan Sirah Nabawiyah dalam pendidikan Islam dan pembentukan sahsiah. Kufiyyah et al. (2021) menegaskan bahawa sirah Nabawiyah kekal relevan dalam pendidikan Islam kontemporari kerana ia menyediakan contoh praktikal yang tidak dapat diberikan oleh mana-mana teks pendidikan lain. Kajian beliau mendapati bahawa pengintegrasian sirah dalam kurikulum pendidikan Islam mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk meneladani akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan harian mereka. Namun begitu, kajian tersebut tidak menghuraikan secara sistematik apakah dimensi-dimensi sahsiah yang perlu menjadi fokus dan bagaimana setiap dimensi boleh diterapkan dalam pedagogi.

Zarkasyi (2021) dalam kajiannya tentang pembinaan sahsiah dalam pendidikan Muslim menegaskan bahawa pandangan dunia Islam (*Islamic worldview*) perlu menjadi asas kepada sebarang program pembangunan sahsiah dalam institusi pendidikan Islam. Zarkasyi (2021) berpendapat bahawa program pembangunan sahsiah yang tidak berpaksikan epistemologi Islam berisiko menghasilkan pelajar yang pada zahirnya menunjukkan nilai-nilai positif, tetapi tidak mempunyai kefahaman yang mendalam tentang mengapa nilai-nilai tersebut perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, pelajar mungkin tahu cara berkelakuan baik di hadapan guru atau dalam persekitaran sekolah, tetapi apabila tiada pengawasan, nilai-nilai tersebut mudah luntur kerana ia tidak tertanam dalam jiwa sebagai sebahagian daripada pegangan hidup yang tulen. Inilah perbezaan antara sahsiah yang dibentuk oleh tekanan luaran dengan sahsiah yang dibina melalui kefahaman dan keyakinan dalaman yang berpunca daripada akidah yang kukuh.

Pendidikan Islam yang berkesan bukan sekadar menghasilkan pelajar yang patuh kepada peraturan, tetapi pelajar yang faham mengapa peraturan itu ada, menghargai nilai di sebaliknya dan secara sukarela mengamalkannya walaupun tiada sesiapa yang memerhati. Inilah ciri sahsiah yang dibentuk melalui pendekatan yang berpaksikan tradisi Islam, bukannya pendekatan yang dipinjam daripada model pendidikan sahsiah Barat semata-mata. Al-Buti (1999) telah memberikan sumbangan penting melalui karyanya *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah* yang menghuraikan dimensi tarbiah yang terkandung dalam sirah. Beliau menegaskan bahawa sirah Nabawiyyah bukan sekadar naratif sejarah tetapi merupakan metodologi hidup yang mengandungi prinsip-prinsip dakwah, tarbiah dan pembinaan masyarakat. Al-Ghazali (2005) pula dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din* telah memperincikan bagaimana proses tazkiyat al-nafs yang diamalkan oleh Rasulullah SAW boleh dijadikan asas kepada program pembangunan rohani yang sistematik dalam pendidikan Islam. Dari sudut teori pembinaan kerangka konseptual, Jabareen (2009) menjelaskan bahawa kajian konseptual yang menganalisis fenomena secara mendalam melalui sorotan literatur yang sistematik adalah pendekatan yang sah dan berharga dalam penyelidikan pendidikan, khususnya apabila bertujuan untuk membangunkan kerangka pemahaman baharu yang boleh menjadi asas kepada kajian empirikal selanjutnya.

Dalam tradisi pendidikan Islam, pembangunan sahsiah merupakan matlamat utama dalam proses tarbiah. Islam tidak melihat pendidikan sekadar sebagai proses pemindahan ilmu, tetapi sebagai usaha menyeluruh untuk membentuk insan yang seimbang dari segi akidah, akhlak, pemikiran dan tingkah laku. Al-Attas (1991) menjelaskan bahawa dalam Islam, pembentukan sahsiah tidak dapat dipisahkan daripada konsep adab, iaitu keupayaan seseorang meletakkan sesuatu pada tempatnya secara tepat berdasarkan ilmu yang benar dan nilai yang luhur.

Al-Ghazali (2005) menjelaskan bahawa pembentukan akhlak yang mulia berlaku melalui proses *tazkiyah al-nafs* iaitu penyucian jiwa secara berterusan yang menggabungkan latihan rohani, disiplin diri dan pembinaan kesedaran terhadap Allah SWT. Ibn Miskawayh (1938) dalam *Tahdhib al-Akhlaq* pula mendefinisikan akhlak sebagai keadaan jiwa yang mendorong seseorang bertindak tanpa perlu berfikir panjang, bermakna nilai-nilai mulia itu telah menjadi sebatian dengan peribadi seseorang melalui latihan yang berterusan.

Kajian ini menggunakan kerangka empat dimensi sahsiah iaitu rohani, akhlak, sosial dan kepimpinan. Kerangka ini bukan sekadar latar belakang teoritikal, tetapi digunakan secara konsisten untuk menganalisis bagaimana setiap dimensi terzahir dalam kehidupan Rasulullah SAW dan apakah implikasi pedagogi yang boleh dirumuskan daripadanya. Rajah 1 di bawah menggambarkan hubungan antara keempat dimensi tersebut serta implikasinya terhadap pedagogi pendidikan Islam.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Empat Dimensi Sahsiyah dalam Sirah Nabawiyyah



Sumber: Diadaptasi daripada Al-Mubarakfuri (2002) dan Al-Attas (1991)

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan konseptual digunakan untuk tujuan penerokaan dan penghuraian idea berdasarkan literatur sedia ada (Jabareen, 2009). Pengumpulan data dilaksanakan melalui sorotan literatur sistematik yang merangkumi 4 peringkat. Pertama, mengenal pasti kata kunci carian yang merangkumi istilah seperti 'Sirah Nabawiyyah', 'sahsiyah Islam', 'pedagogi Islam', 'pembentukan akhlak', '*Islamic character education*' dan '*prophetic pedagogy*'. Kedua, pencarian pangkalan data melalui Scopus, Google Scholar dan MyJurnal dengan batasan tahun 2018 hingga 2025 untuk sumber kontemporari, serta tanpa batasan tahun untuk sumber-sumber klasik Islam. Ketiga, saringan sumber berdasarkan tiga kriteria: (a) berkaitan langsung dengan Sirah Nabawiyyah atau pedagogi Islam; (b) diterbitkan

dalam jurnal berindeks atau penerbit yang muktabar; dan (c) boleh diakses dan disahkan melalui DOI atau repositori yang sah. Keempat, rumusan dapatan dapat dibuat dengan menghubungkan setiap sumber kepada kerangka empat dimensi sahsiah yang telah dibina.

Sumber-sumber primer kajian ini merangkumi al-Quran al-Karim, hadis-hadis sahih yang berkaitan, kitab sirah muktabar terutamanya al-Rahiq al-Makhtum karya Al-Mubarakfuri (2002), serta karya-karya ulama Islam klasik seperti Al-Ghazali, Ibn Miskawayh dan Al-Attas. Pemilihan al-Rahiq al-Makhtum sebagai teks sirah rujukan utama adalah wajar kerana karya antarabangsa ini telah memenangi pertandingan sirah peringkat dunia anjuran Rabithah al-Alam al-Islami dan diiktiraf oleh para sarjana sebagai salah satu teks sirah yang paling komprehensif dan sistematik pada era moden.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan analisis konseptual yang disusun mengikut tiga objektif kajian. Setiap subseksyen menggunakan satu dimensi sahsiah sebagai alat analisis untuk menilai bagaimana ia terzhahir dalam Sirah Nabawiyah serta implikasinya terhadap pedagogi pendidikan Islam.

Dimensi Rohani

Analisis terhadap sumber-sumber sirah mendapati bahawa dimensi rohani merupakan dimensi yang paling asas dalam keseluruhan kerangka pembentukan sahsiah Rasulullah SAW. Sebelum turunnya wahyu yang pertama, Rasulullah SAW telah menunjukkan kecenderungan berkhawatir di Gua Hira' dengan tujuan bertafakkur dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Secara kritikal, amalan ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah yang tulen bermula dari rohani dari hubungan peribadi yang mendalam dengan Tuhan dan bukan daripada tekanan sosial atau tuntutan luaran.

Apabila dimensi rohani ini digunakan sebagai alat analisis pedagogi, implikasinya kepada pendidikan Islam adalah jelas: sebarang program pembentukan sahsiah yang tidak memperkukuhkan hubungan rohani pelajar dengan Allah SWT berisiko menghasilkan akhlak yang bersifat luaran semata-mata, bukan lahir daripada keikhlasan hati yang sejati. Pelajar yang tidak mempunyai hubungan rohani yang kukuh mungkin berkelakuan baik di hadapan guru atau dalam persekitaran sekolah, tetapi apabila tiada pengawasan, akhlak tersebut mudah goyah kerana ia tidak berpunca daripada kesedaran dalaman yang benar-benar tertanam dalam jiwa.

Dalam konteks pendidikan tahfiz khususnya, hafazan al-Quran yang tidak disertai penghayatan rohani berpotensi menjadi beban yang berat dan memenatkan, berbanding apabila ia dilakukan dengan penuh kesedaran bahawa al-Quran ialah firman Allah SWT yang dihafaz sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada-Nya (Zarkasyi, 2021). Pelajar yang menghafaz al-Quran dengan kesedaran rohani yang mendalam akan merasai hafazan bukan sebagai tugas akademik yang perlu disiapkan, tetapi sebagai satu perjalanan rohani yang membina kedekatan dengan Allah SWT dari semasa ke semasa. Inilah perbezaan yang nyata antara hafazan yang bersifat teknikal dengan hafazan yang bersifat tarbiah.

Implikasi pedagogi yang boleh dirumuskan daripada dimensi rohani ini ialah kurikulum pendidikan Islam perlu menggabungkan elemen-elemen pembangunan rohani yang tersusun dan berterusan, bukan sekadar menyampaikan kandungan ilmu agama secara kognitif sahaja. Program tarbiah rohani yang merangkumi amalan zikir, *tafakkur*, *qiyam al-layl* dan *muraqabah* perlu direka bentuk secara sistematik sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran pelajar, bukan dibiarkan sebagai pilihan peribadi semata-mata. Dengan cara ini, pembentukan sahsiah yang lahir daripada kekuatan rohani yang kukuh dapat berlaku secara semula jadi dan berkekalan dalam diri pelajar.

Dimensi Akhlak

Analisis terhadap sirah mendapati bahawa keagungan akhlak peribadi Rasulullah SAW adalah antara aspek yang paling menonjol dan boleh diterapkan dalam konteks pedagogi. Masyarakat Quraisy sendiri menggelar Baginda sebagai *al-Amin* sebelum Baginda diutus menjadi Rasul, satu pengiktirafan yang sangat bermakna kerana ia datang daripada orang-orang yang kemudiannya menjadi musuh paling sengit kepada dakwah Baginda.

Secara kritikal, dimensi akhlak dalam sirah Nabawiyah menolak tanggapan bahawa akhlak hanya ditunjukkan dalam keadaan yang mudah. Sirah secara konsisten memaparkan bagaimana Rasulullah SAW mengekalkan keluhuran akhlaknya dalam situasi yang paling mencabar seperti ketika dihina di Ta'if, ketika kehilangan isteri dan bapa saudaranya, ketika dikhianati oleh sahabat-sahabat terdekat. Implikasi pedagogi yang boleh dirumuskan ialah bahawa pendidikan akhlak yang berkesan tidak boleh

terhad kepada situasi yang selesa, tetapi perlu meletakkan pelajar dalam situasi-situasi yang mencabar keupayaan akhlak mereka secara nyata (Al-Mubarakfuri, 2002).

Dimensi Hubungan Sosial

Analisis dokumentari terhadap sumber-sumber sirah mendapati bahawa cara Rasulullah SAW membina hubungan sosial merupakan salah satu aspek yang paling kaya dari sudut pedagogi. Secara kritikal, Baginda tidak pernah membahagikan manusia kepada kategori yang layak dan tidak layak untuk diberi perhatian. Seorang hamba yang miskin mendapat layanan yang sama mulia dengan seorang ketua puak yang berpengaruh. Pendekatan inklusif ini merupakan kenyataan prinsip pedagogi yang sangat penting: manusia belajar dan berkembang dalam konteks hubungan yang menyerap nilai, bukan dalam konteks penyampaian maklumat semata-mata.

Implikasi pedagogi dimensi sosial ini kepada pendidikan Islam adalah bahawa program pendidikan yang hanya memfokuskan kepada pencapaian individu tanpa memberi perhatian kepada kualiti hubungan sosial yang dibina dalam proses pembelajaran adalah program yang tidak lengkap dari perspektif Sirah Nabawiyah. Para sahabat Rasulullah SAW tidak membentuk sahsiah mereka secara bersendirian, tetapi melalui interaksi dalam komuniti yang saling menyokong, menasihati dan mengingatkan antara satu sama lain. Hal ini memberi isyarat yang jelas bahawa usaha membina suasana pembelajaran yang kondusif dan penuh kasih sayang adalah sama penting dengan usaha mereka bentuk kurikulum yang baik. Institusi pendidikan Islam yang hanya memberi tumpuan kepada isi kandungan pengajaran tanpa mengambil berat tentang kualiti hubungan sosial dalam kalangan pelajar dan pendidik sebenarnya telah terlepas pandang satu elemen tarbiah yang sangat penting dalam tradisi kenabian (Kufiyyah et al., 2021).

Dimensi Kepimpinan

Analisis terhadap sirah mendapati bahawa pendekatan kepimpinan Rasulullah SAW merupakan dimensi yang paling kaya dari sudut pembangunan potensi manusia. Rasulullah SAW bukan sahaja seorang pemimpin yang cemerlang sendiri, tetapi juga seorang pemimpin kepada para sahabat yang berguru dengan baginda kemudiannya menjadi pemimpin yang berjaya memimpin empayar yang merangkumi kawasan geografi yang lebih luas daripada semua empayar sebelum Islam (Al-Mubarakfuri, 2002).

Pendekatan kepimpinan Rasulullah SAW menolak sepenuhnya model kepimpinan yang berasaskan autoriti semata-mata. Baginda memimpin melalui teladan seperti ketika menggali parit dalam Perang Khandaq, Baginda turut serta bersama para sahabat. Baginda secara aktif membina keupayaan kepimpinan dalam diri para sahabat dengan memberikan tanggungjawab yang bermakna, tanpa ragu-ragu melantik sahabat yang masih muda untuk memimpin ekspedisi penting apabila Baginda mendapati mereka mempunyai keupayaan yang diperlukan. Implikasi pedagogi yang boleh dirumuskan ialah bahawa sistem pendidikan Islam perlu mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang secara aktif membina keupayaan kepimpinan pelajar, bukan hanya mengajar tentang kepimpinan secara teoritikal.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis terhadap empat dimensi sahsiah yang dibincangkan di atas, tiga prinsip pedagogi utama dapat dirumuskan sebagai sumbangan konseptual kajian ini kepada bidang pendidikan Islam. Prinsip pertama ialah pembelajaran melalui teladan yang baik atau *qudwah hasanah*. Sirah Nabawiyah menunjukkan bahawa seseorang lebih mudah memahami dan menghayati sesuatu nilai apabila nilai tersebut dapat dilihat secara nyata dalam kehidupan individu yang dihormati. Oleh itu, guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu, malah perlu menunjukkan contoh akhlak dan keperibadian yang baik dalam kehidupan seharian. Prinsip ini turut mencabar pendekatan pengajaran yang hanya menekankan pengetahuan agama tanpa disertai amalan yang selaras daripada pihak guru.

Prinsip kedua ialah pembentukan sahsiah secara menyeluruh dan bersepadu. Dalam Sirah Nabawiyah, pembangunan rohani, akhlak, sosial dan kepimpinan tidak berlaku secara terpisah. Sebaliknya, keempat dimensi tersebut berkembang secara serentak dan saling melengkapi dalam kehidupan Rasulullah SAW. Hal ini menunjukkan bahawa pembentukan insan tidak seharusnya dilaksanakan melalui pendekatan yang memisahkan setiap aspek perkembangan diri kepada bidang yang berbeza tanpa hubungan yang jelas. Pendidikan Islam perlu menggabungkan semua dimensi tersebut supaya perkembangan pelajar berlaku secara seimbang.

Prinsip ketiga ialah pembentukan sahsiah melalui komuniti pembelajaran. Sirah menunjukkan bahawa para sahabat tidak membina keperibadian secara bersendirian. Mereka berkembang melalui interaksi dalam sebuah komuniti yang saling menyokong, membimbing dan mengingatkan antara satu sama lain. Berdasarkan prinsip ini, satu kerangka aplikasi dicadangkan yang merangkumi tiga lapisan saling berkaitan, iaitu asas kerohanian, pembangunan akhlak serta pemeraksanaan kepimpinan dan sosial.

Kerangka ini mencadangkan agar pengajaran Sirah Nabawiyyah di institusi pendidikan Islam tidak hanya tertumpu pada penyampaian fakta, tarikh dan peristiwa sejarah. Sebaliknya, sirah perlu diajar sebagai panduan kehidupan yang mengandungi nilai, teladan dan pengajaran praktikal. Pendekatan ini dapat membantu pelajar memahami bagaimana nilai-nilai dalam sirah boleh diaplikasikan ketika menghadapi cabaran dalam kehidupan harian. Hasil analisis menunjukkan bahawa Sirah Nabawiyyah bukan sekadar catatan sejarah, malah merupakan sumber pendidikan yang menyediakan panduan menyeluruh dalam pembentukan insan. Cabaran utama pendidikan Islam masa kini ialah usaha untuk menghidupkan kembali pendekatan pendidikan yang terkandung dalam sirah agar sesuai dengan keperluan dan realiti semasa. Tiga prinsip yang dirumuskan, iaitu pembelajaran melalui teladan hidup, pembentukan sahsiah secara bersepadu dan komuniti pembelajaran, boleh dijadikan asas dalam usaha memperbaharui kurikulum pendidikan Islam.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Pasir Gudang, Johor atas sokongan institusi dan persekitaran akademik yang kondusif sepanjang kajian ini dijalankan. Penghargaan ikhlas turut diucapkan kepada Dr. Mohd Ali bin Muhamad Don selaku penyelia utama dan Dr. Mohd Rilizam bin Rosli selaku penyelia kedua atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan akademik yang berterusan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Rafie bin Borham: Konseptualisasi, Metodologi, Penulisan (Draf Asal), Penulisan, Semakan dan Penyuntingan.

Mohd Ali bin Muhamad Don: Penyeliaan, Semakan Penyuntingan dan Pengesahan.

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data kajian boleh diperoleh daripada penulisan atas permintaan yang munasabah.

PENGAKUAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF

Penulis telah menggunakan teknologi AI untuk membantu memurnikan bahasa dan meningkatkan gaya penulisan. Kandungan yang dihasilkan telah disemak dan diedit oleh penulis mengikut keperluan, dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan yang diterbitkan.

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. (1991). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Buti, M. S. R. (1999). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarakfuri, S. R. (2002). *Ar-Raheeq al-Makhtum (The sealed nectar)*. Riyadh: Darussalam.

- Ibn Miskawayh. (1938). *Tahdhib al-Akhlaq wa Tathir al-A'raq*. Cairo: Al-Matba'ah al-Misriyyah.
- Jabareen, Y. (2009). Building a Conceptual Framework: Philosophy, Definitions and Procedure. *International Journal of Qualitative Methods*, 8(4), 49–62.
<http://doi.org/10.1177/160940690900800406>
- Kufiyyah, L. S. A., Salamah, U., & Marpuah. (2021). The role of Prophet biography in contemporary Islamic education. *Journal of Beliefs & Values*, 42(2), 153–157.
<http://doi.org/10.1080/13617672.2020.1793149>
- Muslim Ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. (1954). *Sahih Muslim* (M. F. Abd al-Baqi, Ed.). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Zarkasyi, H. F. (2021). Islamic Worldview and Character Formation in Muslim Education. *Al-Shajarah*, 26(1), 1–20.